

## Persidangan Lalu

MACASIC 2009 merupakan lanjutan daripada pelbagai persidangan yang telah diusahakan oleh warga Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (JPATI) semenjak awal 1990-an, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa seperti:

- **1993**, Seminar Terjemahan Arab-Melayu
- **1994**, Seminar Pengajaran Bahasa Arab dan Sejarah Islam Peringkat Antarabangsa
- **1994**, Seminar Pemurnian Penulisan Sejarah Awal Islam
- **1995**, Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu
- **1997**, Seminar Rentetan Peneguhan Ilmu-ilmu Islam
- **1999**, Muktamar Antarabangsa Gerakan Tajdid Menjelang Abad ke-21: Peranan Baiduzzaman Sa'id Nursi
- **1999**, Seminar Ketokohan Cendekiawan Islam
- **2000**, Bengkel Antarabangsa Kajian Risale-i Nur
- **2000**, Seminar Ketokohan Wanita Islam Peringkat Kebangsaan
- **2001**, Bengkel Kajian Manuskrip Arab-Melayu
- **2001**, Nadwah Ulama Nusantara (NUN) I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani
- **2002**, Kolokium Penyelidikan JPATI
- **2002**, Seminar Islam Di Tanah Melayu Abad ke-19M
- **2003**, Nadwah Ulama Nusantara (NUN) II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo
- **2004**, Simposium Sejarah Pemikiran Politik Islam I: Khilafah Islamiyyah dan Masyarakat Melayu
- **2006**, Nadwah Ulama Nusantara (NUN) III: Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu
- **2006**, Simposium Tamadun Islam Abad Pertengahan (STIAP) I: Era 'Abbasi
- **2007**, Simposium Tamadun Islam Abad Pertengahan (STIAP) II: Era Andalusi
- **2007**, Simposium Sejarah Pemikiran Politik Islam II: Shaykh Muhammad 'Abduh dan Masyarakat Melayu
- **2007**, Seminar Antarabangsa Islam Di Asia Tenggara (SAIDAT)
- **2008**, Seminar Pengajaran Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SEBAKA)
- **2008**, Diskusi Ilmiah Sastera Arab Era 'Abbasi
- **2008**, Diskusi Ilmiah Gerakan Islah Di Dunia Islam
- **2009**, Diskusi Ilmiah Sejarah dan Tamadun Islam Di Afrika Utara dan Andalus
- **2009**, Diskusi Ilmiah al-Nahw wa al-Sarf
- **2001-2009**, Siri Multaqa Thaqafi JPATI



المؤتمر الماليزي للدراسات العربية والحضارة الاسلامية

## Malaysia Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (MACASIC)

29-30 Disember 2009 / 12-13 Muharram 1431H  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi

Anjuran Bersama:

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (JPATI), Fakulti Pengajian Islam (FPI), UKM & Kumpulan Penyelidikan 'Kebudayaan Arab dan Peradaban Islam' (KUKAPI), FPI, UKM

## Pengenalan

Bidang **Pengajian Arab dan Tamadun Islam** telah wujud di Malaysia sebagai satu dasar korpus ilmu semenjak **24 Mei 1974** dengan penubuhan sebuah Jabatan yang berada di bawah payung keilmuan Fakulti Pengajian Islam (FPI), UKM. Dalam tempoh lebih tiga dasawarsa tersebut, ia telah berjaya mengorak langkah sebagai satu bidang ilmu yang dominan setaraf dengan dua bidang lain yang wujud lebih awal, iaitu Syariah dan Usuluddin. JPATI ini turut memberi perhatian serius dalam membimbing dan mendidik anak bangsa untuk menguasai bidang kemahiran '*pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Arab*', serta bidang keilmuan '*pengajian Sejarah dan Tamadun Islam*'. Bahkan, ia berjaya mengembangkan ruang lingkup keilmuannya sesuai dengan gagasan arus perdana dalam mencapai wawasan sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Sempena ulang tahun penubuhan JPATI yang ke-35 pada tahun 2009 ini, satu persidangan yang berjudul Malaysia Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (MACASIC) akan dianjurkan bersama oleh Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (JPATI), FPI, UKM dan Kumpulan Penyelidikan 'Kebudayaan Arab dan Peradaban Islam' (KUKAPI), FPI, UKM. Ini dapat menghimpunkan para sarjana dalam bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam dari seluruh Malaysia untuk membentangkan penyelidikan masing-masing, khususnya para penyelidik serta pelajar prasiswazah dan pascasiswazah dalam bidang berkenaan di Malaysia. Dengan demikian, diharapkan MACASIC dapat mendedahkan pelajar dan penyelidik dengan kupasan dan perbahasan dalam bidang tersebut secara yang lebih jelas dan bernas. Aktiviti ilmiah ini juga merupakan sebahagian daripada acara sempena **Mahrajan 35 Tahun JPATI (1974-2009)**.

## Objektif

- Mewujudkan *al-tabadul al-thaqafi wa al-ilmi* dalam kalangan tenaga akademik bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam di Malaysia.
- Memberi ruang kepada ahli akademik bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam di Malaysia untuk berdiskusi secara ilmiah bagi membincangkan isu semasa atau topik tertentu.
- Memberi saranan kepada sarjana bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam untuk membentuk jaringan keilmuan di Malaysia.
- Menghasilkan penerbitan ilmiah dalam bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam secara kolektif.

## Syarat Penulisan

- Abstrak kertas kerja tidak melebihi 300 patah perkataan.
- Abstrak dan kertas kerja akan dinilai oleh penilai dalam bidang berkaitan.
- Kertas kerja hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu, Arab atau Inggeris.
- Kertas kerja berbahasa Melayu atau Inggeris hendaklah menggunakan perisian Microsoft Word (97-2003), font: *Times New Roman*, saiz: 12 poin, selang satu baris (*single spacing*), 15-20 halaman (saiz A4) dan rujukan menggunakan sistem pengarang-tarikh.
- Kertas kerja berbahasa Arab hendaklah menggunakan perisian Microsoft Word (97-2003), font: *Traditional Arabic*, saiz: 16 poin, selang satu baris (*single spacing*), 20-25 halaman (saiz A4) dan sistem rujukan yang sama.
- Semua abstrak dan kertas kerja hendaklah dihantar melalui e-mel: [ermzyaziaty@hotmail.com](mailto:ermzyaziaty@hotmail.com) atau [saf\\_one2448@yahoo.com](mailto:saf_one2448@yahoo.com) atau [najmi@ukm.my](mailto:najmi@ukm.my)

## Tema Kertas Kerja

- Balaghah
- Falsafah Sejarah Islam
- Gerakan Islah dan Tajdid
- Historiografi Islam
- Hubungan Alam Melayu dan Asia Barat
- Kajian Manuskrip Arab-Melayu
- Kajian Puisi dan Prosa Arab Klasik dan Moden
- Kajian Ulama Nusantara
- Kesenian Islam di Asia Tenggara
- Kesusasteraan Islam dan Bandingan
- Kesusasteraan dan Kebudayaan Arab Era Jahili
- Kesusasteraan dan Kebudayaan Arab Era Nabawi, Khulafa', Umawi, 'Abbasi, Andalusi, Ayyubi, Mamluki dan 'Uthmani
- Kesusasteraan dan Kebudayaan Arab Moden
- Kritikan Sastera Arab
- Linguistik dan Tatabahasa Arab
- Minoriti Muslim
- Pengajaran Bahasa Arab
- Perkamusan dan Pengistilahan
- Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam
- Sejarah dan Tamadun Islam di Asia Tenggara
- Sejarah dan Tamadun Islam di Malaysia
- Sejarah dan Tamadun Islam Era Nabawi, Khulafa', Umawi, Umawi, 'Abbasi, Andalusi, Ayyubi, Mamluki, Safawi dan 'Uthmani
- Sejarah Ekonomi Asia Barat dan Mediterranean
- Sejarah Ketenteraan Islam
- Sejarah Pemikiran Politik Islam
- Sejarah Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab
- Terjemahan Arab-Melayu-Arab

## Tarikh Penting

- Tarikh tutup penghantaran abstrak : 15 Ogos 2009
- Tarikh makluman penerimaan abstrak : 15 September 2009
- Tarikh akhir penghantaran kertas kerja lengkap : 15 Oktober 2009

## Yuran

- Peserta atau Pembentang UKM : RM200.00
- Peserta atau Pembentang Luar UKM : RM300.00
- Peserta atau Pembentang Pelajar : RM 50.00

Bayaran yuran meliputi sarapan, kudapan, makan tengah hari, minum petang dan edaran bahan seminar, tidak termasuk kos pengangkutan dan penginapan.

## Penginapan

Semua peserta atau pembentang boleh mendapatkan kemudahan penginapan di hotel-hotel sekitar UKM seperti:

• Hotel Marriott Putrajaya	03 8949 8888	<a href="http://www.marriott.com">www.marriott.com</a>
• Pullman Putrajaya Lakeside	03 8890 0000	<a href="http://www.pullmanputrajaya.com">www.pullmanputrajaya.com</a>
• Hotel Equatorial Bangi	03 8210 2222	<a href="http://www.equatorial.com/bng/">www.equatorial.com/bng/</a>
• Hotel Residence UNITEN	03 8922 2088	<a href="http://www.residenceatuniten.com">www.residenceatuniten.com</a>
• Oriental Crystal Kajang	03 8739 1888	<a href="http://www.orientalcrystalhotel.com.my">www.orientalcrystalhotel.com.my</a>
• Prescott Metro Inn Kajang	03 8738 5555	<a href="http://www.metrokajang.com.my/inn.html">www.metrokajang.com.my/inn.html</a>
• Hotel Smart, Bandar Baru Bangi	03 8926 7273	

## Urus Setia

*Urus Setia*

**Malaysia Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (MACASIC)**

**JABATAN PENGAJIAN ARAB DAN TAMADUN ISLAM**

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

☎ 03 8921 5621 (Pn. Ermy Azziaty Rozali) ☎ 03 8921 5558 (En. Noorsafuan Che Noh)  
☎ 03 8921 3185

✉ [ermzyaziaty@hotmail.com](mailto:ermzyaziaty@hotmail.com) ✉ [macasic\\_ukm@yahoo.com](mailto:macasic_ukm@yahoo.com) ✉ [saff\\_one2448@yahoo.com](mailto:saff_one2448@yahoo.com)  
[www.ukm.my/mahrajan](http://www.ukm.my/mahrajan)